

21 JUN 1996

LEAD Abdullah-Israel

MALAYSIA AKAN KAJI SEMULA HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN ISRAEL

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji semula hubungan perdagangan dengan Israel jika pentadbiran Tel Aviv di bawah pimpinan Perdana Menteri barunya Benjamin Netanyahu enggan meneruskan usaha perdamaian di Asia Barat, kata Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Sebarang dasar luar Malaysia sama ada mahu memperbaiki atau menghentikan apa jenis hubungan dengan Israel bergantung kepada perkembangan yang berlaku di masa hadapan," tegas beliau.

Bagaimanapun, setakat ini keputusan kerajaan yang membenarkan peniaga Malaysia mengadakan hubungan perniagaan dengan Israel masih boleh diteruskan, katanya kepada pemberita selepas menerima pita video keagamaan daripada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hamid Othman.

Awal tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan keputusan kerajaan membenarkan perhubungan perdagangan dengan Israel diwujudkan berikutan langkah pentadbiran Tel Aviv yang menunjukkan kesediaan mengadakan perdamaian di rantau itu khususnya membabitkan konflik Israel dan Palestin.

Abdullah berkata Malaysia memandang berat terhadap perdamaian di rantau itu kerana mereka turut menyokong perjuangan rakyat Palestin yang berhak mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka.

"Apa-apa hubungan dengan Israel dalam apa sahaja peringkat atau jenis adalah berasaskan kepada perakuan dan penerimaan kita terhadap peranan yang dimainkan Israel untuk menjayakan rundingan damai terutamanya yang berkaitan dengan konflik Israel dan Palestin,"

Abdullah berkata jika Israel menunjukkan sikap ikhlas dan positif ke arah menjayakan rundingan damai, Malaysia boleh baiki hubungan dengannya.

Menurut beliau, setakat ini Malaysia mengadakan hubungan perdagangan dengan Israel kerana menganggap pentadbiran Tel Aviv di bawah bekas Perdana Menteri Israel telah menunjukkan usaha menjayakan sidang rundingan damai itu.

"Tapi setakat ini kita belum tahu pendirian Netanyahu kerana dia hanya membuat kenyataan-kenyataan dan belum ada sebarang tindakan. Tetapi apapun dasar yang kita telah buat berhubung dengan Isreal boleh dikaji semula sama ada untuk diperbaiki atau dihentikan," katanya.

Mengenai tindakan Amerika Syarikat (AS) menentang usaha Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Boutros Boutros-Ghali untuk bertanding penggal kedua jawatan itu, Abdullah berkata Malaysia akan membuat pendiriannya berhubung Boutros Ghali tidak lama lagi.

Pendirian Malaysia terhadap Boutros Ghali selama ini memang jelas malah Dr Mahathir sendiri secara terbuka menyuarakan pandangannya supaya Boutros-Ghali berhenti daripada jawatan itu kerana gagal menangani beberapa isu antarabangsa, katanya.

"Kita sebenarnya tidak puas hati dengan peranan yang dimainkan oleh Boutros Ghali terutamanya dalam isu Bosnia-Herzegovina dan banyak lagi,"

"Memandangkan AS telah membuat pendirian terhadap Boutros-Ghali, Malaysia juga akan membuat pendirinya nanti," dan setakat ini belum ada sebarang nama dicalonkan untuk jawatan berkenaan, katanya.

Presiden AS, Bill Clinton sendiri telah menyuarakan rasa tidak puas hati dalam beberapa perkara tentang khidmat Boutros-Ghali di PBB. Malah Clinton telah mendapat sokongan daripada beberapa pemimpin dunia supaya memberi tekanan kepada Boutros-Ghali untuk meninggalkan jawatannya itu.

Abdullah juga berharap sidang kemuncak Arab yang bermula esok dapat membuat beberapa keputusan yang boleh menjamin perpaduan orang Arab yang benar-benar kukuh di samping menjamin sokongan Arab sepenuhnya kepada perjuangan rakyat Palestin.

Beliau berharap dengan perpaduan itu, pemimpin Arab tidak perlu berulang alik berunding perkara berhubung Israel khususnya pendekatan-pendekatan baru yang akan diambil oleh Netanyahu.

Berucap di majlis itu, Abdullah berharap dengan adanya pita-pita video keagamaan ini, kakitangan dan keluarga kedutaan dan suruhanjaya Malaysia di luar negara dapat meningkatkan pengetahuan terhadap agam Islam khususnya yang menyentuh soal Fardu Ain dan Kifayah.

Walaupun setakat ini Malaysia tidak pernah mengumumkan yang ia sebuah negara Islam, namun semua aktiviti berbentuk Islam yang dilaksanakannya dilihat oleh negara luar sebagai negara yang berjaya melaksanakan program Islam dalam masyarakat majmuk, katanya. -- BERNAMA

ARA PR